



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

## **PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 26 Tahun 2013**

### **TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2013**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Syarat dalam skim perkhidmatan:

2.1 Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:-

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan

3. Seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika staf itu telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan jika terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu, melainkan jika skim perkhidmatan memperuntukkan selainnya.
4. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-
  - (i) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
  - (ii) Telah menandatangani Surat Aku Janji; dan
  - (iii) Telah mengisytiharkan harta.
5. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

## **PELAKSANAAN**

6. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
  - 6.1. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
  - 6.2. Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
  - 6.3. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
  - 6.4. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih sahaja akan dipanggil untuk sesi temubual dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.

- 6.5. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada Waran Perjawatan yang telah ditetapkan dan juga keputusan pihak Pengurusan Universiti. Pihak Pengurusan Universiti juga berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
- 6.6. Salinan sijil-sijil penghargaan/latihan/lantikan Jawatankuasa/lain-lain berkaitan **TIDAK** perlu disertakan. Salinan asal sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temuduga.
- 6.7. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 23 Oktober 2013.**  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini *tidak* akan dilayan)
7. Sila **ambil perhatian** bahawa penempatan **penempatan** bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada Waran Perjawatan seperti diiklankan dan keputusan pihak Pengurusan Universiti. Pihak Pengurusan Universiti berhak untuk menentukan penempatan bagi calon-calon yang berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.

8. **TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling dikeluarkan pada **9 Oktober 2013.**

9. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada **9 Oktober 2013.**



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**  
Pendaftar

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit*  
*Semua Dekan*  
*Semua Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail* : 100-BPD(UDG/PT.6/3)  
*No Siri* : 100-BPD(UDG/26/2013)

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional:**

Bil	Jawatan Kanan	Gred	Jumlah Kekosongan dan Penempatan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Jurutera	J54	Pejabat Pengurusan Fasilitas Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	Terbuka	2

**Kumpulan Pelaksana I (B):**

Bil	Jawatan Kanan	Gred	Jumlah Kekosongan dan Penempatan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Penolong Pengurus Asrama	N32	Universiti Teknologi MARA (Perak) Kampus Tapah (1)	Terbuka	2
2.	Penolong Akauntan	W32	Universiti Teknologi MARA (Pahang) (1)	Terbuka	3
3.	Jururawat Pergigian	U32	Fakulti Pergigian Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	Terbuka	3

**Kumpulan Pelaksana I (C):**

Bil	Jawatan Kanan	Gred	Jumlah Kekosongan dan Penempatan	Kategori Staf Yang Layak Mohon	Rujukan (Muka Surat)
1.	Pembantu Perpustakaan	S22	Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA Shah Alam (1)	Shah Alam Sahaja	4

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

1. i). *Jawatan* : **Jurutera**  
ii). *Gred Jawatan* : **J54**  
iii). *Kekosongan* : **1**  
iv). *Syarat Kelayakan* :

Jurutera Gred J52 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J54 yang kosong apabila telah :-

- a). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
b). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji J54*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM5938.49	RM9713.89	RM320.00

**Kumpulan Pelaksana (B)**

1. i). *Jawatan* : *Penolong Pengurus Asrama*  
ii). *Gred Jawatan* : **N32**  
iii). *Kekosongan* : **1**  
iv). *Syarat Kelayakan* :

Penolong Pengurus Asrama Gred N27 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pengurus Asrama Gred N32 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;  
b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji N32*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2726.74	RM5040.51	RM155.00

2. i). *Jawatan* : *Penolong Akauntan*  
 ii). *Gred Jawatan* : **W32**  
 iii). *Kekosongan* : **1**  
 iv). *Syarat Kelayakan* :

Penolong Akauntan Gred W27 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W32 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;  
 b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
 c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.  
 v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji W32*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2730.15	RM5043.93	RM155.00

3. i). *Jawatan* : *Jururawat Pergigian*  
 ii). *Gred Jawatan* : **U32**  
 iii). *Kekosongan* : **1**  
 iv). *Syarat Kelayakan* :

Jururawat Pergigian Gred U29 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U32 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;  
 b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
 c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.  
 v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji U32*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2214.00	RM5178.91	RM155.00

**Kumpulan Pelaksana (C)**

1. i). *Jawatan* : *Pembantu Perpustakaan*  
ii). *Gred Jawatan* : **S22**  
iii). *Kekosongan* : **1**  
iv). *Syarat Kelayakan* :

Pembantu Perpustakaan Gred S17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S22 yang kosong apabila telah :-

- a). disahkan dalam perkhidmatan;  
b). mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan  
c). diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- v). *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : *Gred Gaji S22*

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2164.44	RM4002.02	RM115.00